

Kematian Maradona, staf perubatan dibicara

DIEGO
MARADONA

UTUSAN MALAYSIA MS: 44 24/6/2022

BUENO ARIES: Mahkamah memutuskan lapan staf perubatan bakal dibicarakan atas tuduhan kecuaiian sehingga menyebabkan kematian legenda bolasepak Argentina, Diego Maradona.

Maradona meninggal dunia pada umur 60 tahun ketika dalam rawatan selepas menjalani pembedahan di bahagian otak, sejak sekian lama bertarung dengan ketagihan dadah dan alkohol.

Dia ditemui mati di kediamannya di Buenos Aires selepas dua minggu menjalani pembedahan tersebut dan dipercayai

berpunca daripada serangan jantung.

Bagaimanapun, barisan panel yang terdiri daripada 20 pakar perubatan mendapati rawatan diterima Maradona ketika itu mempunyai kekurangan dan penyelewengan.

Mereka percaya Maradona memiliki peluang lebih baik untuk hidup seandainya diberikan rawatan yang cukup oleh pihak perubatan berkenaan.

Barisan panel tersebut juga mendapati bahawa penjaga Maradona ketika itu membiarkannya keseorangan tanpa

jagaan rapi, yang menjadi salah satu faktor kematian bekas penyerang Barcelona itu.

Antara staf perubatan yang didakwa untuk kes ini melibatkan pakar saraf yang juga doktor keluarga Maradona, iaitu Leopoldo Luque, doktor psikiatri, Cosachov, pegawai psikologi, Carlos Diaz, koordinator perubatan, Nancy Forlini serta empat lagi termasuk jururawat.

Mereka bakal berhadapan dengan hukuman dipenjarakan antara lapan hingga 25 tahun sekiranya didapati bersalah.

Kertas siasatan telah dibuka su-

sulan aduan daripada waris Maradona berhubung kecuaiian dilakukan Luque terhadap bapa mereka.

Maradona menjadi idola jutaan peminat bolasepak selepas membantu Argentina merangkul kejuaraan Piala Dunia kedua mereka ketika edisi 1986. - AGENSI

